

18 JUN 1999

Umno-Buku

BANYAK JUDUL BUKU TAFSIRAN ISLAM SEBENAR AKAN DITERBIT

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan jabatan-jabatan agama Islam negeri akan menerbitkan banyak judul buku mengenai tafsiran Islam sebenar bagi menghilangkan kekeliruan di kalangan umat Islam negara ini mengenai agama itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman hari ini berkata judul-judul itu adalah berkaitan dengan Islam dan pembangunan di Malaysia dan Umno akan membantu memberi penerangan dan penjelasan.

"Hari ini akan keluar buku tentang mengumpat untuk disebar kepada umat Islam," katanya kepada pemberita selepas perasmian Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir selaku Presiden Umno dalam ucapan dasar merasmikan perhimpunan agung parti itu antara lain menegaskan bahawa politik paling bahaya di negara ini ialah politik yang memainkan isu agama dan salah tafsiran agama bagi tujuan politik.

Dr Abdul Hamid, yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno, berkata pemikiran yang digemblengkan hasil perbincangan tentang usul agama dalam perhimpunan agung parti itu akan turut disebar dalam bentuk buku, syarahan dan forum untuk maklumat umat Islam seluruhnya di negara ini.

"Kita mengajak semua tenaga Umno untuk memberi penerangan kepada umat Islam supaya membetulkan fahaman agama kerana yang menjalankan kehendak Islam yang sebenarnya ialah Umno, bukan PAS," katanya.

Beliau berkata PAS sengaja menyembunyikan hakikat sebenar dalam Islam supaya mereka dapat mengelirukan umat Islam di negara ini dan pada masa yang sama menutup kelemahan yang ada pada parti itu.

"InsyaAllah semua tenaga dalam Umno terutama tenaga agama, pakar-pakar, parti kita akan menerangkan kepada umat Islam," katanya.

Dr Abdul Hamid berkata kemuncak kepada perbuatan salah PAS ialah parti itu membenarkan para anggotanya mengkafirkan orang-orang Umno sedangkan Islam melarang perbuatan itu.

Parti itu juga menganggap bahawa usaha pembangunan adalah bercanggah dengan Islam dan ia sengaja tidak menimbulkan isu pembangunan kerana tidak tahu merancang dan tidak boleh merancang sehinggakan masalah asasi tentang bekalan air di Kelantan tidak boleh diselesaikan.

"Mereka menolak pembangunan, tujuan mereka supaya umat Islam lalai dengan pembangunan, seronok bercakap tentang Islam tapi tidak melihat kepada realiti yang sebenar," katanya.

-- BERNAMA

AFY NAK